




Tatakelakuan

MERANGKUM NILAI TERAS KAMI




ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	1
PRAKATA	2
VISI, MISI & NILAI TERAS	3
PEMATUHAN TERHADAP TATAKELAKUAN	Error! Bookmark not defined.
ORANG DAN KESELAMATAN	Error! Bookmark not defined.
1. Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran (SHE)	5
2. Pengambilan pekerja yang adil dan kepelbagaian.....	Error! Bookmark not defined.
INTEGRITI DALAM PERNIAGAAN.....	7
1. Integriti buku dan laporan; pelaporan yang jujur	7
2. Kepentingan konflik.....	Error! Bookmark not defined.
3. Amalan rasuah	Error! Bookmark not defined.
4. Pengubahan wang haram	Error! Bookmark not defined.
PASARAN	Error! Bookmark not defined.
1. Bersaing dengan Adil.....	Error! Bookmark not defined.
2. Amalan Perdagangan Antarabangsa	12
MELINDUNGI MAKLUMAT DAN ASET	Error! Bookmark not defined.
PERUNDINGAN.....	Error! Bookmark not defined.
PELAPORAN PELANGGARAN YANG BERPOTENSI	Error! Bookmark not defined.

Edisi Tatakelakuan allnex ini diterbitkan pada April 2024.

Sila semak laman web kami www.allnex.com atau intranet allnex untuk memastikan bahawa anda mempunyai versi yang terkini.



PRAKATA

RAKAN-RAKAN SEKERJA ALLNEX SEKALIAN,

Terima kasih atas kecekapan dan pengalaman anda, allnex telah diiktiraf sebagai pengeluar global terkemuka dalam resin industri. Kita rapat dengan pelanggan kita dan mereka menghargai kita sebagai rakan kongsi yang boleh dipercayai yang memberikan inovasi dan kualiti secara konsisten.

Nilai-nilai allnex kita bertindak sebagai titik rujukan untuk semua daripada kita. Tatakelakuan ini dibina berdasarkan nilai-nilai ini dan merumuskan garis panduan untuk tindakan harian kita.

Integriti syarikat kita adalah penting untuk kejayaan perniagaan kita. Pada pandangan pelanggan, pembekal, pekerja dan pihak berkepentingan kita yang lain, kita juga diukur berdasarkan integriti dan tanggungjawab terhadap tindakan kita.

Integriti bermaksud bukan hanya pematuhan (yang kerap berubah) undang-undang dan peraturan, tetapi juga standard yang diterima umum dan peraturan dan syarat-syarat allnex sendiri. Matlamat kita adalah untuk memenuhi syarat-syarat perundangan serta jangkaan pihak berkepentingan syarikat kita.


Prinsip-prinsip asas yang termaktub dalam Tatakelakuan terguna pakai terhadap semua pengurus dan pekerja allnex, tanpa mengira negara tempat anda bekerja atau pekerjaan yang anda lakukan. Ini adalah penting kerana pasaran dan cara menjalankan perniagaan berubah secara berterusan dan oleh itu kita memerlukan kod tingkah laku yang seragam.

Objektif umum kita adalah untuk memastikan bahawa, setiap hari, semua aktiviti dalam syarikat dibentuk oleh prinsip-prinsip ini. Kami meminta anda untuk mengkaji dengan teliti Tatakelakuan kita, mengingatinya dan sentiasa mematuhi sepanjang hari bekerja anda. Jangan teragak-agak untuk bertanya jika anda tidak pasti apa maksud prinsip-prinsip dan peraturan bagi kerja anda. Pengurus memainkan peranan yang penting di sini. Mereka merupakan model peranan dengan tanggungjawab tertentu untuk memastikan bahawa peraturan kita dipatuhi.

Melalui pengendalian teladan nilai dan peraturan kita, kita semua boleh turut sama menyumbang terhadap kejayaan mampan allnex.

Kami ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan anda.

***Miguel Mantas, Chief Executive Officer,
and the allnex Management Team (the members of the Management Team are mentioned [here](#))***



VISI, MISI & NILAI TERAS

Visi allnex adalah untuk diiktiraf sebagai pemimpin global dalam resin perindustrian.

Misi kita : dengar kata pelanggan dan melebihi jangkauan mereka;; menjadi pemimpin dalam inovasi, kualiti dan keutuhan; dan mencipta nilai dalam semua perkara yang kita lakukan.

NILAI-NILAI TERAS

Keselamatan

Keutamaan pertama kita adalah keselamatan, yang melibatkan pencegahan dan pengurangan risiko, mengurangkan kekerapan dan skala insiden, dan melindungi pekerja kita daripada kecederaan dan penyakit

Pematuhan

Kita berusaha untuk mematuhi semua peraturan yang berkaitan di setiap negara tempat kita beroperasi, termasuk peraturan yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan persekitaran (SHE).

Kepelbagaian

Sebagai sebuah syarikat global kita menghargai kepelbagaian yang wujud dalam tenaga kerja kita, yang juga membantu kita menjadi lebih fleksibel dan inovatif.

Integriti

Memiliki integriti bermaksud menjadi jujur, telus dan dihormati. Kita mengambil amalan perniagaan yang baik, yang termasuk kemampuan dan kita mengharapkan semua pekerja kita untuk mematuhi tatakelakuan yang membolehkan mereka untuk mengemudi situasi yang mencabar.

Penciptaan Nilai



Memberikan nilai kepada pihak berkepentingan adalah kemestian perniagaan kita. Nilai termasuk memberikan produk yang berkualiti kepada pelanggan kita dan pulangan untuk pelabur-pelabur kita, serta menyumbang kepada komuniti tempat kita beroperasi.

Berpasukan / Kerjasama

Berpasukan dan kerjasama adalah penting untuk menyampaikan kemajuan yang berterusan. Kita menggunakan teknik-teknik kerjasama dalam organisasi kita dan juga dengan rakan kongsi huluan dan hiliran untuk mencipta penyelesaian yang saling menguntungkan

Bahan rujukan tambahan

[Kualiti Polisi allnex](#)



PEMATUHAN TERHADAP TATAKELAKUAN


Tatakelakuan direka bentuk untuk membimbing kita dalam membuat keputusan dan untuk membantu kita mengendalikan situasi perniagaan secara profesional dan sah. Ini terguna pakai terhadap setiap pengarah, pegawai dan pekerja. Akhir sekali, setiap kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita mematuhi undang-undang dan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Tatakelakuan ini, kedua-duanya secara nyata dan tersirat. Kita mematuhi undang-undang yang terguna pakai dan membiasakan diri kita dengan peraturan dan prosedur dalamnya. Sebarang pelanggaran undang-undang atau Tatakelakuan tidak akan diterima dan tindakan pemulihan akan dijalankan. Tindakan pemulihan mungkin termasuk penamatian pekerjaan dan melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.



Jika anda berada dalam kedudukan kepimpinan, menggalakkan dan menyokong tindakan yang menunjukkan integriti dan pematuhan adalah tanggungjawab utama dan paling penting anda. Sebagai pemimpin, anda merupakan model peranan untuk nilai-nilai allnex dalam pertuturan dan tindakan anda. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa peraturan dan standard diketahui dan dipatuhi dalam persekitaran perniagaan dan untuk memberitahu pekerja anda mengenai kepentingan tingkah laku yang betul serta akibat tingkah laku yang salah.

Kontraktor, perunding dan yang lain yang mungkin secara sementara ditugaskan untuk melakukan kerja atau perkhidmatan untuk allnex juga perlu mematuhi Tatakelakuan allnex.



Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita mematuhi sepenuhnya undang-undang dan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini.





ORANG DAN KESELAMATAN

1. Keselamatan, Kesihatan dan Persekutaran (SHE)

Di allnex, kita komited terhadap perlindungan pekerja, pelanggan, kontraktor, persekitaran dan komuniti di mana kita beroperasi. Kita melihat ini sebagai elemen penting untuk dikenali sebagai syarikat resin terunggul.

Kita percaya bahawa perniagaan yang mampan memberikan keutamaan dalam pertimbangan keselamatan, kesihatan dan persekitaran dan keselamatan. Standard dalaman, objektif, penjelakan prestasi, prosedur dan audit kita adalah asas bagi peningkatan berterusan dan kecemerlangan operasi kita dan terguna pakai secara global.


Kita komited terhadap Keselamatan pada setiap peringkat dan menyasarkan untuk bekerja bersama untuk mencapai matlamat "sifar bahaya". Sikap yang positif daripada kita semua menyumbang kepada mencapai budaya SHE yang berperingkat tinggi yang kita adalah komited terhadapnya.

Amalan SHE kita:

- Menyediakan untuk kesihatan dan kesejahteraan pekerja kita.
- Mencapai penglibatan pekerja yang sepenuhnya untuk memupuk peningkatan budaya SHE yang berterusan.
- Melindungi persekitaran dan komuniti dan mengurangkan kesan alam sekitar kita.
- Menjaga pekerja, kontraktor dan pelawat kita dan menyediakan persekitaran kerja yang selamat.
- Memenuhi semua syarat-syarat peraturan dan keperluan pematuhan dalaman.
- Menjaga pekerja dan kemudahan pengeluaran kita melalui pengurusan proses keselamatan yang efektif dan disiplin keselamatan secara individu.
- Membangunkan produk yang mampan, dan memberi bimbingan untuk penggunaan semua produk secara Selamat dan bertanggungjawab.
- Melindungi asset kita untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan keselamatan.

Kita membiasakan diri kita sendiri dengan undang-undang persekitaran, kesihatan dan keselamatan dan standard kita, yang terguna pakai dalam persekitaran kerja kita. Kita melakukan kerja kita dalam cara yang selamat dan bertanggungjawab terhadap persekitaran dan mematuhi semua undang-undang persekitaran, keselamatan dan kesihatan serta standard korporat dan polisi yang terguna pakai.





2. Penggajian yang adil dan kepelbagaian

Semua nilai kita adalah berorientasikan orang dan kita menyasarkan untuk melayan satu sama lain secara profesional berdasarkan keadilan, hormat dan maruah. Kita menggalakkan amalan penggajian yang adil di seluruh dunia dan menawarkan peluang yang sama kepada semua pekerja kita.

Dasar ini terguna pakai bukan hanya terhadap amalan pengambilan yang adil dan objektif, tetapi terhadap semua aspek hubungan penggajian.


Kita yakin bahawa kepelbagaian pasukan kerja kita merupakan suatu aset. Kepelbagaian bermaksud mempunyai sebuah pasukan tenaga kerja yang mencerminkan budaya, warganegara, jantina, generasi, kumpulan etnik, kebolehan, latar belakang sosial, kepercayaan agama, orientasi seksual yang berbeza dan semua perbezaan unik yang lain yang menjadikan setiap orang individu yang unik.

Kita menyasarkan untuk menjadi inklusif, yang bermaksud mewujudkan persekitaran kerja di mana setiap orang mempunyai peluang untuk menyertai sepenuhnya untuk menjadikan syarikat kita berjaya. Inilah sebab mengapa kita menolak sebarang bentuk diskriminasi atau penghinaan.

Kita mematuhi semua tenaga kerja dan undang-undang pekerjaan dan penggajian dan standard-standard di negara tempat kita beroperasi, termasuk semua undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak, pemerdagangan orang dan kebebasan berpersatuan



Kami berhasrat untuk menjadi inklusif, yang bermaksud mewujudkan persekitaran kerja di mana setiap orang mempunyai peluang untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam membuat syarikat kami berjaya.





INTEGRITI DALAM PERNIAGAAN

1. Integriti buku dan rekod; pelaporan jujur

Sebagai sebuah syarikat kita komited terhadap pelaporan yang penuh, jitu, tepat masa dan menyeluruh dan pendedahan maklumat kewangan. Kita menerangkan semua transaksi secara tepat dan memastikan bahawa semua buku dan rekod diselenggara dengan baik menurut undang-undang dan dasar allnex. "Buku dan rekod" termasuk format elektronik atau kertas dan merangkumi semua data, pensijilan dan, bahan bertulis yang lain yang disediakan untuk laporan kewangan dan tujuan pendedahan, serta dokumen yang dikumpulkan untuk tujuan rekod yang lain, termasuk laporan perbelanjaan.

Kita memastikan bahawa semua buku dan rekod sepenuhnya tersedia untuk audit oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luaran yang bebas. Laporan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, rekod pengilangan dan pengeluaran, rancangan pemasaran dan perniagaan, laporan jualan dan teknikal, kontrak, dokumen rantaian bekalan, rekod IT, perakaunan dan rekod cukai dan perjalanan, penginapan dan rekod perbelanjaan yang lain

Beberapa contoh penyimpanan rekod yang salah termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Memalsukan laporan perbelanjaan.
- Memalsukan atau mengada-adakan data ujian pancaran
- Memperakui bahawa ujian kawalan kualiti telah dilakukan tetapi sebenarnya tidak dilakukan.
- Memperakui bahawa kita telah melaksanakan respon yang disyorkan kepada audit dalaman tetapi tidak dilakukan.






2. Kepentingan Konflik

Kepentingan konflik wujud apabila kepentingan diri anda bersaing dengan kepentingan perniagaan syarikat - sama ada secara realiti atau apabila pemerhati boleh menganggap ini dengan wajar sebagai berlaku. Oleh itu, kita memastikan bahawa kita sentiasa bertindak untuk kepentingan terbaik allnex dan mengelakkan situasi di mana kewangan, sosial, politik kita sendiri atau kepentingan peribadi yang lain bercanggah atau mungkin bercanggah dengan kepentingan perniagaan allnex.

Kita memberikan perhatian yang khusus terhadap aktiviti-aktiviti yang mungkin merangkumi atau boleh dianggap sebagai konflik kepentingan, seperti:

- Mengambil ahli keluarga pekerja untuk bekerja adalah dibenarkan secara umum selagi individu tersebut telah dinilai secara bebas dan dianggap paling layak untuk peranan tersebut dan tiada konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan.
- Pekerja yang mempertimbangkan pekerjaan kedua dengan perniagaan yang lain atau menjadi pengarah di mana-mana organisasi yang lain mesti melaporkan hubungan tersebut dan mendapatkan kelulusan awal.
- Pekerja memegang kepentingan kewangan dalam syarikat yang boleh menyebabkan konflik kepentingan (cth. pembekal) mesti melaporkan pemegangan tersebut dan mendapatkan kelulusan awal.
- Memilih kontraktor dan pembekal, dan meluluskan sebut harga atau invois mereka adalah aktiviti yang kita mesti mengamalkan langkah penjagaan istimewa, mematuhi semua prosedur dalaman dan sentiasa mengelakkan mana-mana situasi yang boleh kelihatan seperti konflik kepentingan.
- Pasangan, teman hidup atau saudara rapat pekerja, atau individu yang lain yang mempunyai hubungan yang penting dengan pekerja, yang bekerja dalam atau berhubung dengan organisasi yang melakukan perniagaan atau bersaing dengan allnex. Dalam situasi ini, hubungan tersebut hendaklah didedahkan.





3. Amalan Rasuah

Rasuah adalah bertentangan dengan nilai kita dan dilarang. Sewajarnya, kita tidak akan menawarkan, menjanjikan, memberikan atau mengesahkan, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui mana-mana pihak ketiga, pemberian wang atau apa-apa yang berharga kepada pelanggan, pembekal atau pihak ketiga yang lain untuk mempengaruhi keputusan atau mendapatkan mana-mana hasil atau kelebihan yang tidak wajar. Ini juga sama dalam arah yang bertentangan, di mana tiada individu yang bertindak untuk atau bagi pihak allnex yang boleh menerima atau bersetuju untuk menerima apa-apa yang bernilai dengan niat mendapatkan apa-apa kelebihan yang tidak wajar.

Bantuan atau bayaran "sogokan" - bayaran kecil untuk mempercepatkan atau untuk menjamin tindakan kerajaan rutin walaupun layak - adalah dianggap rasuah dan oleh itu dilarang.


Mengekalkan buku dan rekod yang terperinci dan tepat adalah penting bagi perniagaan kita kerana ini membimbing kita membuat keputusan dan penting dari segi memenuhi kewajipan kita untuk menyediakan pendedahan yang penuh dan telus kepada pemegang saham kita. Oleh itu, buku dan rekod kita mestilah dengan betul mencerminkan semua transaksi dan perbelanjaan perniagaan, lengkap, tepat dan disediakan menurut undang-undang yang terguna pakai serta perakaunan dan dasar dan prosedur laporan allnex sendiri.

Kita kerap berinteraksi – secara langsung atau tidak langsung - dengan pegawai awam di seluruh dunia. Istilah "pegawai awam" ditakrifkan secara meluas dan termasuk, sebagai contoh pengawal atur dan pentadbir persekutuan, negeri atau perbandaran, pekerja syarikat yang dimiliki atau separa dimiliki oleh badan awam, kakitangan organisasi antarabangsa, ahli politik, serta parti politik dan wakilnya. Kebanyakan bidang kuasa mengenakan peraturan yang lebih ketat apabila interaksi dengan pegawai awam dikaitkan seperti melarang pemberian apa-apa yang bernilai. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah berhati-hati yang khusus apabila berinteraksi dengan pegawai awam dan memastikan kita sentiasa mematuhi undang-undang yang terguna pakai dan standard dalam kita sendiri.

Semua sumbangan dan aktiviti penajaan mestilah sejajar dengan nilai allnex dan dilakukan dengan mematuhi syarat-syarat anti-rasuah, allnex tidak akan membuat sumbangan kepada organisasi politik, parti politik atau ahli politik secara individu.

Menawarkan atau menerima hadiah sekali-sekala, hiburan atau layanan baik boleh dilakukan dalam perjalanan perniagaan yang normal. Walau bagaimanapun, kita mestilah tidak sesekali menggunakan ini sebagai cara untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan kelebihan yang tidak wajar daripada pegawai awam atau orang perseorangan. Kita juga mestilah tidak sesekali membenarkan tanggapan diwujudkan bahawa keobjektifan dan keadilan kita boleh dijejaskan oleh tawaran atau penerimaan kita terhadap hadiah tersebut. Semua hadiah, hiburan dan layanan baik mestilah sederhana, sesuai dalam konteks yang diberikan dan tidak kerap. Sekiranya ragu-ragu, perkara ini hendaklah didedahkan kepada pengurus atau Jabatan Undang-Undang allnex.






4. Pengubahan Wang Haram

Pengubahan Wang Haram adalah kaedah apabila wang diperoleh atau dihasilkan melalui aktiviti yang haram (cth. pengedaran dadah, penyeludupan, rasuah) disamarkan melalui saluran kewangan dan perniagaan yang sah untuk menutup asal-usul wang tersebut. Apabila mengadakan hubungan dengan pelanggan, kita perlu berhati-hati untuk isyarat amaran yang mungkin menunjukkan kemungkinan pelanggaran pengubahan wang haram.

Kita akan mematuhi semua undang-undang anti-pengubahan wang haram yang terguna pakai dan bertindak dengan teliti untuk mencegah allnex daripada terlibat atau digunakan dalam pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah yang lain.





PASARAN

1. Bersaing dengan adil

Kita percaya terhadap manfaat dan prinsip-prinsip persaingan. Pasaran bebas membolehkan kemakmuran ekonomi dan menyumbang kepada kebajikan sosial, tetapi pasaran bebas hanya berfungsi dengan betul apabila prinsip-prinsip persaingan yang adil dihormati dan dipatuhi. Kita bersaing dengan adil untuk perniagaan melalui kualiti dan harga produk yang inovatif kita. Kita tidak akan terlibat dalam mana-mana aktiviti yang boleh diertikan sewajarnya sebagai anti-persaingan, salah guna atau tidak adil, sebagai contoh :


- Pertukaran data komersial dengan pesaing (cth. harga, teritori, pelanggan, kapasiti pengeluaran, keuntungan).
- Peruntukan pasaran, pelanggan, program pengeluaran dengan pesaing.
- Penetapan harga melintang.
- Penipuan bidaan (cth. menghantar tawaran rekaan untuk bidaan).

Untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat pasaran menghormati prinsip-prinsip persaingan yang adil ini, banyak bidang kuasa telah memperkenalkan undang-undang yang melarang amalan anti-persaingan. Kami secara ketat mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan pada setiap masa dan dalam semua bidang kuasa.



Kami bersaing secara adil untuk perniagaan melalui kualiti dan harga dari produk inovatif kami.





2. Amalan perdagangan antarabangsa

Negara-negara mungkin mengenakan pelbagai sekatan dan sekatan ekonomi yang mensasarkan perniagaan dengan bidang kuasa yang khusus, entiti, individu, sektor ekonomi atau kawalan perdagangan pengguna akhir. Sifat antarabangsa perniagaan kita bermaksud bahawa kita mesti mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan perdagangan dan amalan terbaik syarikat yang mentadbir perdagangan barang, perkhidmatan dan teknologi di semua tempat kita melakukan perniagaan secara langsung atau tidak langsung. Ini juga termasuk pematuhan dengan syarat-syarat pengawalaturan yang merangkumi bahan-bahan terkawal, undang-undang anti-lambakan, undang-undang dan peraturan pemulauan.



PEMATUHAN PERDAGANGAN

Kebanyakan negara mengekalkan undang-undang dan peraturan yang menyekat perdagangan produk tertentu, perkhidmatan dan teknologi kepada negara, pembeli atau pengedar tertentu. Sekatan tersebut mestilah tidak dielakkan oleh eksport dan jualan yang lain kepada pihak ketiga yang dibenarkan yang kemudian mengarahkan semula produk ke pihak yang disekat. Lesen mungkin diperlukan sebelum memperdagangkan produk, perkhidmatan atau data teknikal kita yang tertentu. Sesuatu yang dipanggil eksport teknologi boleh berlaku melalui lawatan loji oleh individu (warga asing atau tidak), termasuk pekerja lain allnex, melalui perbualan telefon atau pertukaran e-mel. Undang-undang dan peraturan berkaitan kawalan perdagangan adalah rumit dan bertukar dengan kerap. Profesional pematuhan perdagangan kita bersedia untuk menyediakan bimbingan dan bantuan tambahan dengan semua isu yang berkaitan.

UNDANG-UNDANG ANTI LAMBAKAN

Kebanyakan negara melarang pengeluar dari negara yang lain daripada menjual barang di negara tersebut pada harga yang lebih rendah daripada pengeluar menjual barang tersebut di negara tanah airnya menambah kos penghantaran, jika pengeluar setempat dijejaskan oleh bentuk persaingan yang tidak adil ini.





MENJAGA MAKLUMAT DAN ASET

Kami mengamanahkan anda dengan akses kepada aset allnex supaya anda boleh melakukan kerja anda dengan berkesan. Aset ini merangkumi barang nyata yang bernilai ekonomi seperti peralatan, alatan, bahan, bekalan, pejabat dan peralatan komunikasi serta aset tidak nyata seperti maklumat proprietari, muhibah pelanggan dan juga masa bekerja pekerja kita. Kita semua berkewajipan untuk melindungi aset syarikat daripada sebarang penggunaan yang tidak wajar dan menjaganya daripada kecurian, penyalahgunaan dan pembuangan.

Di allnex, kita mendapat dan mengeluarkan maklumat yang penting bagi kejayaan perniagaan kita. Aset intelektual merangkumi hak milik intelektual, pengetahuan dan maklumat proprietari. Kita melindungi dan menjaga maklumat perniagaan rahsia kita (dalam apa jua bentuk: kertas, elektronik, sampel produk dsb.) dan kita mestilah tidak mendedahkannya tanpa sebab perniagaan yang sah. Kita mestilah berhati-hati apabila membincangkan maklumat sensitif dan hanya berkongsi maklumat allnex dengan orang lain jika mereka mempunyai keperluan perniagaan yang tulen untuk mengetahui dan, kemudian, hanya di bawah perlindungan perjanjian tiada-pendedahan. Pendedahan yang tidak dibenarkan boleh memusnahkan nilai maklumat yang tersebut kepada allnex dan melemahkan dengan ketara kedudukan persaingan kita.




Maklumat proprietari termasuk rahsia dagangan, serta maklumat teknikal, kewangan dan perniagaan yang lain yang allnex sama ada ingin merahsiakkannya atau berkewajipan untuk merahsiakkannya. Maklumat proprietari tersebut mungkin termasuk hasil penyelidikan, komposisi produk, proses-proses pengilangan, data kos, strategi pemasaran, belanjawan kewangan dan rancangan jangka panjang.

Jika kita ingin menyampaikan maklumat kepada awam, komunikasi hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Jabatan Komunikasi dan pengurusan kanan yang bertanggungjawab.

Kita juga komited untuk menghormati hak milik intelektual pihak yang lain. Ketika allnex mungkin menerima maklumat rahsia atau harta intelektrual lesen daripada syarikat yang lain, kita juga mesti memastikan bahawa harta yang bersifat seperti ini dilindungi menurut perjanjian yang memberikan allnex hak untuk mengakses dan menggunakan harta tersebut.


Begitu juga, pekerja pesaing-pesaing kita mempunyai kewajipan kerahsiaan terhadap majikan mereka yang mungkin melangkaui terma hubungan penggajian. Kita tidak akan sesekali memaksa pekerja untuk melanggar kewajipan kerahsiaan sedia ada: sekiranya kita mengambil bekerja bekas pekerja pesaing, kita tidak akan mendorong atau membenarkan pekerja tersebut melanggar kewajipan beliau terhadap bekas majikan.


allnex komited untuk menghormati privasi pekerjanya dan rakan kongsi perniagaannya. Kita mematuhi undang-undang dan dasar perlindungan data allnex ketika memproses maklumat peribadi pekerja kita dan data rakan kongsi perniagaan kita dan kita mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa data tersebut dilindungi dan diselenggara dengan selamat.



PERUNDINGAN

Adalah mustahil untuk menyebutkan setiap senario etika yang berpotensi yang mungkin kita hadapi. Sementara polisi dan prosedur allnex yang melengkapi Tatakelakuan ini memberikan panduan yang lebih khusus, anda mungkin masih mempunyai pertanyaan dan memerlukan nasihat selanjutnya. Jika anda tidak pasti, jangan takut untuk bertanya soalan. Hubungi pengurus atau penyelia anda, atau jika anda mempunyai pertanyaan yang khusus di luar persekitaran kerja anda, hubungi HR anda, Jabatan Perundungan, Kewangan, SHE atau jabatan pematuhan yang lain.





PELAPORAN PELANGGARAN YANG BERPOTENSI

Jika anda melihat sesuatu yang anda fikir tidak betul – suarakan. Setiap seorang daripada kita digalakkan untuk melaporkan demi kebaikan terhadap mana-mana pelanggaran yang diketahui atau disyaki terhadap Tatakelakuan menggunakan mana-mana saluran yang berikut: penyelia anda, Jabatan Perundungan, Pematuhan, HR, Kewangan atau mana-mana individu lain yang dipercayai dalam allnex. Sebarang keimbangan boleh dihantar secara rahsia dan/atau tanpa nama. Talian penting ini beroperasi 24 jam, 365 hari setahun dan menyokong pelbagai bahasa. Talian penting ini boleh dicapai melalui laman web dan nombor telefon yang berikut:

Laman Web: www.lighthouse-services.com/allnex


Talian bebas Tol : Talian Langsung

- USA dan Kanada yang bertutur Bahasa Inggeris : **844-260-0005**
- USA dan Kanada yang bertutuk Bahasa Sepanyol: **800-216-1288**
- Kanada yang bertutur bahasa Perancis: **855-725-0002**
- Mexico yang bertutuk bahasa Sepanyol: **01-800-681-5340**

AT&T USA Direct

Semua negara yang lain : 800-603-2869 (mesti dail kod akses negara terlebih dahulu ;
klik [di sini](#) untuk mendapatkan kod akses dan arahan pendailan)

E-mel: reports@lighthouse-services.com





Allnex Management GmbH

The Square 13, Am Flughafen
60549 Frankfurt am Main
Germany